



MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2026

PERNIAGAAN
Kertas 2
Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
- 2. Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan satu soalan wajib di **Bahagian C.**
- 3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.
- 4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
- 5. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
BAHAGIAN A		
1	10	
2	10	
3	10	
4	10	
5	10	
6	10	
JUMLAH	50	
BAHAGIAN B		
7	15	
8	15	
9	15	
JUMLAH	30	
BAHAGIAN C		
10	20	
JUMLAH	20	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH		

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Logo 1 menunjukkan sebuah bentuk pemilikan perniagaan.



Logo 1

Jelaskan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan tersebut.

[3 markah]

- (b) Terangkan kelebihan syarikat sendirian berhad.

[4 markah]

- (c) Huraikan skala perniagaan bagi pasaran antarabangsa.

[3 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.

KUALA LUMPUR – Kementerian Ekonomi memaklumkan kadar inflasi negara telah mencatatkan peningkatan iaitu kepada 1.7 peratus bagi suku pertama tahun ini dan peningkatan tersebut bersifat sederhana kerana pada suku keempat tahun lalu paras inflasi negara adalah kira-kira 1.6 peratus.

Diubahsuai daripada <https://www.kosmo.com.my/2024/07/01/kenaikan-inflasi-1-7-peratus-masihbersifat-sederhana-kementerian-ekonomi/>

Bagaimanakah peranan kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut. [3 markah]

- (b) Jelaskan faktor sumber manusia yang boleh membantu meningkatkan prestasi sesebuah perniagaan. [3 markah]

- (c) Jelaskan ciri-ciri objektif berikut :

- (i) Boleh dicapai [2 markah]

- (ii) Jangka masa [2 markah]

3 (a) Jelaskan peranan bahagian fungsian berikut :

(i) Bahagian fungsian jualan.

[3 markah]

(ii) Bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan.

[3 markah]

(b) Terangkan kepentingan interaksi dengan organisasi luar kepada perniagaan.

[4 markah]

- 4 (a) Dialog berkaitan dengan sistem penggajian bagi sebuah perniagaan.

Mei Li : Ayu, kenapa kamu berpindah tempat kerja?

Ayu : Sebab tempat kerja baru lebih dekat dengan rumah dan gaji yang ditawarkan lebih tinggi daripada syarikat lama.

Terangkan faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut. [4 markah]

- (b) Mengapakah sumber fizikal perlu diuruskan dengan baik? [6 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Puan Zehan bercadang untuk memulakan perniagaan perkhidmatan gubahan bunga segar tetapi menghadapi masalah kekurangan modal. Beliau menggunakan barang berharganya untuk mendapatkan pinjaman patuh syariah.

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut. Berikan alasan.

[5 markah]

- (b) Jelaskan kegunaan Kunci Kira-kira kepada usahawan.

[5 markah]

- 6 (a) Bezakan aset semasa dengan aset bukan semasa. [4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

Cik Issabelle ingin membuka perniagaan atas nama Bellez Sdn Bhd. Beliau perlu mendaftar perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

- (i) Kenal pasti akta penubuhan perniagaan tersebut? [1 markah]


- (ii) Jelaskan prosedur pemerbadanan perniagaan Bellez Sdn Bhd. [5 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 7 Rajah 1 menunjukkan graf titik pulang modal Perniagaan Keropok Ainul.



Rajah 1

- (a) Berdasarkan graf Titik Pulang Modal, hitungkan titik pulang modal baharu jika harga jual seunit RM8.00 dan kos berubah seunit meningkat 30% daripada kos berubah seunit asal iaitu RM5.00. [5 markah]
- (b) Kesan daripada peningkatan kos berubah, Perniagaan Keropok Ainul terpaksa membuat beberapa perubahan.
Cadangkan langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut. [5 markah]
- (c) Sebagai pemilik, Pn. Ainul telah memilih pembiayaan luaran bagi mengembangkan perniagaannya.
Wajarkah tindakan beliau?. Berikan alasan. [5 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Ann Enterprise.



- (a) Jelaskan sumbangan sektor perniagaan yang diusahakan oleh Ann Enterprise kepada negara. [4 markah]
- (b) Terangkan ciri-ciri keperibadian Ann Maria. [6 markah]
- (c) Anda bersetuju faktor luaran dapat membantu perniagaan Ann Enterprise dalam menyahut kempen kerajaan. Berikan justifikasi anda. [5 markah]

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pemilikan perniagaan.

SPAce Legasi PLT merupakan syarikat perisian komputer yang membangunkan pelbagai sistem untuk kegunaan pejabat dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI). Bagi melahirkan pekerja yang berdaya saing, syarikat telah menganjurkan satu pertandingan mereka cipta satu perisian automasi pejabat yang unik dan menawarkan ganjaran yang menarik. Namun, pihak pengurusan bimbang idea perisian tersebut akan ditiru oleh pesaing. Selain itu, terdapat sebilangan pekerja syarikat juga masih kurang mahir mengendalikan kod aturcara sistem AI yang baharu dan ada yang dikesan memuat turun perisian tidak sah ke dalam komputer pejabat. Maka, pihak pengurusan sumber manusia telah mengambil tindakan dengan menambah bilangan pekerja dan menawarkan gaji yang kompetitif serta aspek lain yang sesuai. Selain itu, pihak pengurusan turut memberikan latihan meningkatkan kemahiran (upskilling) dan melaksanakan latihan semula (reskilling).

- (a) Jelaskan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan tersebut. [5 markah]
- (b) Bagaimanakah prosedur mengurus sumber teknologi yang perlu dilaksanakan oleh SPAce Legasi PLT. [4 markah]
- (c) Pada pandangan anda, adakah aspek pengelolaan sumber manusia yang diamalkan berkesan untuk SPAce Legasi PLT?. Berikan komen. [6 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab

- 10 Encik Razif merupakan pemilik Kedai Perabot Makmur yang mula beroperasi secara kecil-kecilan dengan menjual meja belajar, almari pakaian dan set sofa buatan tempatan di bandar Kuantan. Beliau telah menggunakan wang simpanannya sendiri sebanyak RM50,000 sebagai modal permulaan. Minat beliau dalam bidang pertukangan kayu serta pengalaman bekerja di kilang perabot menjadi faktor utama beliau menceburi bidang perniagaan.

Berikut merupakan laporan kewangan perniagaan Encik Razif bagi tahun 2025.

Butiran	Nilai (RM)
Tunai di bank	25,000
Stok perabot	80,000
Akaun belum terima	15,000
Inventori bahan mentah	13,000
Akaun belum bayar	20,000
Overdraf	15,000
Gaji belum bayar	5,000
Kadar bayaran belum bayar	3,000

Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat, Encik Razif bercadang untuk membeli tambahan mesin pemotong kayu moden, menggajikan pekerja mahir, membuka gudang penyimpanan baharu dan mempelbagaikan kaedah promosi secara digital ke pasaran antarabangsa. Oleh itu, beliau memerlukan suntikan modal tambahan sebanyak RM200,000 daripada agensi kerajaan bagi mengembangkan operasi perniagaan.

Selepas tiga tahun beroperasi, Kedai Perabot Makmur semakin berkembang dan menerima tempahan daripada pelanggan di seluruh Malaysia. Malah, terdapat permintaan daripada pelanggan di Singapura dan Brunei. Selain itu, beliau juga berhasrat untuk mendapatkan bantuan daripada MATRADE untuk mempromosikan perabotnya ke luar negara.



Berikut ialah media yang perlu dipertimbangkan oleh Encik Razif untuk melakukan pengiklanan :

Media Cetak	Media Elektronik
• Menggunakan surat khabar, majalah, risalah • Maklumat lebih terperinci dan jelas • Boleh disimpan untuk rujukan masa hadapan • Kos cetakan yang tinggi • Tidak memerlukan internet	• Kos rendah • Beroperasi 24 jam • Mudah berlaku penyebaran maklumat palsu • Boleh diakses di mana-mana sahaja • Mengandungi audio, video, gambar yang lebih menarik

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- Terangkan faktor yang mendorong Encik Razif dalam memulakan perniagaan Kedai Perabot Makmur. [4 markah]
- Hitungkan nisbah kecairan bagi Kedai Perabot Makmur. [3 markah]
- Apakah agensi kerajaan yang sesuai untuk membiayai perniagaan Encik Razif? Berikan alasan. [4 markah]
- Bagaimanakah MATRADE dapat membantu Kedai Perabot Makmur berkembang ke luar negara? [4 markah]
- Pada pendapat anda, kaedah pengiklanan yang manakah sesuai dengan perniagaan Encik Razif ? Kemukakan alasan. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

This image shows a single page of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

